

Newspaper	HARAKAH
Date	25 APRIL 2016

Rakyat tetap tidak percayai Najib

Oleh MUHAMMAD ARIF
ISMAIL

KUALA LUMPUR: Rakyat tetap tidak mempercayai dan menolak kepimpinan Presiden Umno, Dato' Seri Najib Tun Razak ekoran dirinya terpalit dengan skandal yang merugikan negara.

Walaupun Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) telah membersihkan nama Perdana Menteri itu

daripada skandal 1MDB, tetapi rakyat tidak mempercayainya.

Bahkan, beberapa Ahli Parlimen yang menganggotai jawatankuasa tersebut turut mempertikaikan kesahihan laporan tersebut yang diedit dengan tidak beretika.

Naib Presiden PAS, Dato' Iskandar Abdul Samad berkata, rakyat melihat laporan itu mempunyai unsur prejudis kerana dibuat oleh

individu ada kepentingan dengan Najib.

"Rakyat terus mempersoalkan Perdana Menteri dan kerajaan dalam isu 1MDB dan rakyat juga belum puas hati dengan penjelasan jawatankuasa ini," katanya ketika dihubungi *Harakah*, 22 April lalu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai dakwaan pimpinan Barisan Nasional bahawa tuduhan yang di-

lemparkan dalam isu itu kepada Ahli Parlimen Pekan dilihat tidak lagi sesuai.

Pesuruhjaya PAS Selangor yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Cempaka itu menambah, isu 1MDB terus menghantui pemerintahan Najib hingga ketibaan pilihan raya umum kelak.

Menurutnya, dengan masalah terbabit, semua agensi kerajaan yang lain terpaksa 'ikat perut' se-

mata-mata untuk meneruskan kelangsungan syarikat 1MDB terbabit.

Sebelum ini, seorang Ahli Majlis Tertinggi Umno, Dato' Dr Mohd Puad Zarkashi sekali lagi tampil mendirikan benang yang basah dalam isu tersebut.

Beliau berkata, skandal 1MDB yang digunakan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad untuk menyerang Perdana Menteri dianggap sudah tidak relevan.

Harakah - 25/4/2016



Iskandar Abdul Samad